

1100090050

1.P 55 FASM 3 2007



1100090050

Tahap kepuasan kerja di kalangan jurumasak dan pembantu jurumasak kantin sekolah menengah di Kuala Terengganu / Nurhidayah Husain.



PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

21030 KUALA TERENGGANU

1100090050

21050 KUALA TERENGGANU
1100090050

Lihat Sebelah

HAK MILIK
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**TAHAP KEPUASAN KERJA DI KALANGAN JURUMASAK DAN
PEMBANTU JURUMASAK KANTIN SEKOLAH MENENGAH
DI KUALA TERENGGANU**

Oleh

NURHIDAYAH BINTI HUSAIN

**PROJEK PENYELIDIKAN yang dikemukakan untuk memenuhi sebahagian
daripada syarat memperolehi Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan.
(Perkhidmatan Makanan Dan Pemakanan)**

**FAKULTI AGROTEKNOLOGI DAN SAINS MAKANAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
MENGABANG TELIPOT
2007**

Projek ini dirujuk sebagai :

Hidayah, N. 2007. Tahap Kepuasan Kerja Di Kalangan Jurumasak Dan Pembantu Jurumasak Kantin Sekolah Menengah Di Kuala Terengganu. Tesis Sarjana Muda, Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) Fakulti Agroteknologi Dan Sains Makanan, Universiti Malaysia Terengganu, Mengabang, Telipot. 154 m/s.

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya, tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik dan penyelia terlebih dahulu.



1100090050

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

25 JUN 2007



NURHIDAYAH HUSAIN
UK 9893


Disahkan oleh,

25 JUN 2007

EN. WAN HAFIZ WAN ZAINAL SHUKRI

(Penyelia)

PENGHARGAAN



Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, akhirnya saya dapat menyiapkan Projek Penyelidikan Tahun Akhir ini seperti yang telah disyaratkan. Walaupun terlampau banyak dugaan dan cabaran yang terpaksa saya hadapi, namun Projek Penyelidikan Tahun Akhir ini memberi pengalaman yang berharga kepada saya serta menambah kecekalan saya untuk mengatasi cabaran berikut. Selain itu, ia membantu memantapkan lagi diri saya sebagai salah seorang mahasiswa universiti.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Encik Wan Hafiz Wan Zainal Shukri kerana tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar dan pandangan kepada saya. Saya berasa amat bertuah menjadi salah seorang pelajar yang di bawah seliaan beliau. Tanpa beliau, saya tidak dapat menyiapkan kajian ini dengan sempurna. Di samping itu, terima kasih yang tidak terhingga juga saya ucapkan kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Sains Makanan Universiti Malaysia Terengganu yang banyak memberi tunjuk ajar kepada saya sepanjang Projek Penyelidikan Tahun Akhir ini dijalankan.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada keluarga terutamanya ayah saya Jaffar bin Muhammad yang banyak membantu, memberi dorongan serta semangat untuk saya menyiapkan kajian ini. Seterusnya kepada Iskandar Mirza bin Mohd Hassan. Tidak dilupakan juga kepada rakan saya yang banyak membantu saya dalam menyiapkan kajian ini, saudara Mohd Adiffer Othman serta rakan-rakan seperjuangan yang lain kerana tidak jemu-jemu memberi semangat dan dorongan kepada saya supaya terus menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan juga diberikan kepada jurumasak dan pembantu jurumasak dari 32 buah kantin yang terdapat di 30 buah sekolah-sekolah menengah di Kuala Terengganu kerana sudi memberi kerjasama dan sanggup meluangkan masa menjawab soal selidik yang diberikan dengan baik. Tanpa kerjasama daripada mereka sudah tentulah kajian ini ada cacat celanya. Terima kasih sekali lagi ditujukan kepada semua yang terlibat. Sekian, terima kasih.

¹ABSTRAK

Tujuan kaji selidik ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti faktor utama yang mempengaruhi tahap kepuasan pekerjaan di kalangan jurumasak dan pembantu jurumasak kantin sekolah menengah di Kuala Terengganu. Untuk itu, beberapa faktor utama telah dikenalpasti iaitu keadaan pekerjaan, gaji, penyeliaan, kenaikan pangkat dan rakan sekerja. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kepuasan pekerjaan dan menentukan kaitan antara faktor dominan yang dikenalpasti dengan produktiviti operasi kantin sekolah menengah di Kuala Terengganu. Kaedah persampelan yang digunakan ialah *purposive sampling*. Bagi proses pengutipan data, sebanyak 160 borang soal selidik telah diedarkan kepada jurumasak dan pembantu jurumasak dari 32 buah kantin yang diambil dari 30 buah sekolah menengah di Kuala Terengganu yang di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Hasil daripada kajian yang telah dijalankan, didapati bahawa secara keseluruhannya responden berpuas hati dengan keadaan pekerjaan sekarang. Bagi faktor gaji pula, mereka tetap berpuas hati walaupun mereka beranggapan bahawa gaji yang diterima tidak dapat memberikan kemewahan. Seterusnya untuk faktor penyeliaan, mereka berpuas hati dengan penyelia mereka kerana mengikut kajian yang telah dijalankan, majoriti daripada mereka memberi persepsi yang positif terhadap penyelia mereka. Namun begitu, mereka kurang berpuas hati terhadap faktor peluang kenaikan pangkat kerana mengikut kajian ini, kurangnya kenaikan pangkat berlaku terutamanya di kalangan jurumasak. Manakala bagi rakan sekerja pula, mereka sangat berpuas hati memandangkan ramai antara mereka memberikan pandangan yang positif terhadap rakan mereka. Kesimpulannya, jurumasak dan pembantu jurumasak di kantin sekolah menengah di Kuala Terengganu yang diambil sebagai sampel berpuas hati terhadap pekerjaan mereka sekarang secara keseluruhannya. Tiga faktor utama yang mempengaruhi tahap kepuasan kerja adalah keadaan pekerjaan, penyelia dan rakan sekerja.

LEVEL OF JOB SATISFACTION AMONG CANTEEN COOKS AND ASSISTANT COOKS IN KUALA TERENGGANU SECONDARY SCHOOLS

ABSTRACT

The main purpose of this research was to determine main factor that influence level of job satisfaction among canteen cooks and assistant cooks in Kuala Terengganu secondary schools. For that particular purpose, the factors were determined which working condition, pay, supervision, opportunities for promotion and co-workers. Besides that, the study was purposed to study level of job satisfaction and to determine if there are any link between the factor and productivity. Purposive sampling was used. For data collection, 160 questionnaires were distributed to cooks and assistant cooks from 32 canteens were taken from 30 secondary school under Ministry of Education. Results showed that overall of respondents were satisfied with working condition. For factor of pay, respondents were satisfied but still complaint that their pay has not give comfortable life. Respondents were satisfied with supervision because they gave positive perception through their supervisor. Respondents less satisfied with opportunities for promotion especially to cooks because there were no opportunities for promotion. While, mostly respondents were satisfied with their co-workers for their positive perception through their co-workers. For that conclusion, canteen cooks and assistant cooks in Kuala Terengganu secondary schools were satisfied with their job satisfaction. 3 main factors which were influenced job satisfaction were working condition, supervision and co-workers.